



Anwar memalu gong simbolik perasmian Pesta Kaamatan Peringkat Negeri Sabah 2025, sambil diperhatikan Hajiji (dua dari kiri) di Dewan Hongkod Koisaan, dekat Penampang, semalam. (Foto Mohd Adam Arinin/BH)

'Saya bukan diktator arah tangkap, dakwa serta-merta'

Anwar tegaskan pendakwaan kes rasuah hanya boleh dibuat dengan bukti

Oleh Yun Mikail
bhnews@bh.com.my

Penampang: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan beliau bukan seorang pemimpin yang bersikap diktator.

Perdana Menteri menegaskan, pendakwaan terhadap sebarang kes rasuah hanya boleh dibuat dengan bukti serta mengikut prosedur dan bukan berdasarkan arahan sewenang-wenangnya.

"Saya bukan diktator yang (mengarah) tangkapan serta-merta. Saya tidak mahu menjadi Perdana Menteri yang bersikap 'Oh kita mesti tangkap' atau 'kita mesti dakwa'.

"Hakikatnya, perjuangan menentang rasuah mesti dijalankan di semua peringkat," katanya ketika merasmikan sambutan Pesta Kaamatan Peringkat Negeri Sabah di Dewan Hongkod Koisaan, dekat sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Menteri, Datuk Seri Hajiji Noor.

Anwar berkata, beliau mem-

punyai tanggungjawab untuk mengekalkan keamanan dan menegakkan undang-undang, namun bukan sehingga ke tahap mendakwa tanpa siasatan dan bukti.

Isu prospek perlombongan

Selain itu, Anwar turut mengulas mengenai video yang mengaitkan menteri dan Ahli Dewan Undangan Negeri dalam skandal prospek perlombongan.

"Saya mahu terus-terang. Apa gunanya hanya berkata perkara yang manis, tetapi apabila keadaan menjadi lebih hangat, sudah tentu saya bertanya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengenainya.

"Orang mempersoalkan mengapa saya tidak campur tangan seolah-olah menggambarkan saya cuba menutup dakwaan rasuah itu.

"Kita bukan negara yang berpandukan persepsi. Perkara-perkara ini tidak boleh ditangani berdasarkan persepsi, tuduhan dan fitnah," katanya sambil menambah bahawa siasatan menyeluruh sedang dijalankan.

Anwar turut menggesa semua pemimpin negeri dan masyarakat Sabah bekerjasama rapat dengan Kerajaan Persekutuan untuk mempertahankan kedaulatan, meningkatkan pembangunan sosioekonomi dan memperjuangkan hak serta hal lain berkaitan kesejahteraan rakyat.

Sementara itu, berucap pada majlis itu, beliau berkata, Kerajaan Persekutuan sentiasa mengambil kira keperluan serta permintaan daripada negeri dalam menentukan keutamaan projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13).

Katanya, keutamaan projek tidak ditentukan secara sendiri oleh Kerajaan Persekutuan, sebaliknya diputuskan bersama dengan kerajaan negeri selepas permintaan mereka didengar dan diberikan perhatian pimpinan Persekutuan.

Contohnya di Sabah, Anwar berkata, hampir setiap lawatan kerja beliau di negeri berkenaan diadakan mesyuarat atau pertemuan antara pemimpin dengan pegawai kanan Persekutuan dan negeri untuk membincangkan secara terus permintaan daripada kerajaan negeri.

"(Projek) RMK13 bukan saya kata tidak berlaku, dahulunya ada permintaan disaring oleh Kementerian-Kementerian Persekutuan, sekarang tidak, permintaan itu (dibincangkan) secara langsung (dalam mesyuarat) yang dipengerusikan Perdana Menteri, ada Ketua Menteri, ada menteri negeri.

"Secara langsung kita dengar dan beri perhatian. Sebenarnya hal ini hanya berlaku kerana keseragaman, hubungan akrab dan baik kerana saling meyakini antara satu sama lain," katanya.